

Kos kes Anwar saman PM diputuskan 26 April

9 MAR 2002

KUALA LUMPUR 8 Mac - Mahkamah Rayuan akan menentukan pada 26 April ini kos yang patut dibayar oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kes saman fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menuntut ganti rugi RM100 juta.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Nasir Yahya menetapkan tarikh itu setelah mendengar kes tersebut di kamar beliau hari ini.

Peguam Fazilah Mohd. Pilus yang mewakili Dr. Mahathir yang dinamakan defendan dalam kes itu, menuntut kos sebanyak RM152,755.

Pada 9 Disember 2000, Mahkamah Rayuan telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membatalkan saman bekas Timbalan Perdana Menteri itu terhadap Dr. Mahathir.

Mahkamah itu menolak rayuan tersebut dengan kos Peguam Karpal Singh bertindak mewakili Anwar.

Anwar, 54, telah menyaman Dr. Mahathir kerana mendakwa memfitnahnya pada persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, 22 September 1998.

Wartawan

Dalam dakwaannya, Anwar menyatakan Dr. Mahathir secara salah dan berniat jahat bercakap kepada wartawan tempatan dan asing mengenai perilakunya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan penuturan perkataan itu telah menjejaskan perwatakan dan reputasinya di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada 30 Ogos 1999, Hakim Mahkamah Tinggi ketika itu, Datuk Dr. Kamalanathan Ratnam telah memutuskan membatalkan saman tersebut mengikut Perintah 18 Peraturan 19(1)(a),(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi.

Dalam keputusan itu, Hakim Kamalanathan menjelaskan bahawa beliau mendapati tindakan itu tidak bersungguh-sungguh, menyusahkan dan menyalah guna proses mahkamah. Saman itu ditolak dengan kos.

Berikutan itu, Anwar telah diperintahkan membayar kos sebanyak RM85,284.80. Bagaimanapun, Dr. Mahathir menuntut kos sebanyak RM203,958.80.

Sehubungan itu juga, Anwar telah diperintahkan oleh Mahkamah Persekutuan membayar kos sebanyak RM18,489 kepada Perdana Menteri setelah mahkamah itu menolak permohonannya untuk mendapatkan kebenaran merayu bagi saman tersebut.

Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Anwar itu pada 23 Februari tahun lalu.

Keputusan jumlah kos itu telah dibuat oleh Timbalan Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, S. Kalyana Kumar pada 6 Julai tahun lalu.